

PENGAJARAN PENDIDIKAN HAK-HAK WANITA MUSLIM: PENGALAMAN INSTITUT PENDIDIKAN GURU DI SARAWAK

Sharifah Nooraida Wan Hasan [1], Raihanah Abdullah [2]

ABSTRACT

This study aimed at identifying the exposure of women's rights in the curriculum of Islamic and Asian Civilization of Teacher Education Institutes in Malaysia. The study also explains the role of Muslim women's rights education to create awareness of women educators in understanding their rights when being exposed to such curriculum while being in the teaching institute and the role of the lecturer as curriculum implementers. It is also primarily important for the educators to find appropriate approach in nurturing the understanding, hence a more effective implementation. The respondents were lecturers whom have served the Malaysian Teaching Institutes in 2012. Data were collected through questionnaires. It is discovered that there is no specific subject emphasizing women's rights within the curriculum of any teaching institutes; nevertheless, this subject is a sub-topic taught in between the mandatory curriculum per se. The result of the study showed deep interest and strong encouragement among the lecturers in relating the subject to fellow teachers. In a nutshell, the study revealed that it is important to create awareness of such existence among women teachers in Malaysia to knowing their rights.

Keywords: *Muslim women's rights, women's education, Institute of Teacher Education Malaysia, Sarawak*

[1] Institut Pendidikan Guru
Kampus Batu Lintang, Kuching,
Sarawak, Malaysia/Jabatan
Syariah dan Undang-Undang,
Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya, Malaysia
snwh79@yahoo.com.my

[2] Jabatan Syariah dan Undang-
Undang, Akademi Pengajian
Islam, Universiti Malaya,
Malaysia
raihanah@um.edu.my

PENGAJIAN GENDER DAN PERKEMBANGANNYA

Laungan mempertahankan hak-hak dan pembebasan wanita seringkali kedengaran di corong radio, kaca televisyen, buku, majalah, suratkhbar, blog dan laman web semasa. Laungan emansipasi yang bersifat individu mahupun secara berkumpulan ini lahir dengan satu hasrat yang murni iaitu mencetuskan satu kesedaran kepada semua pihak dalam mempertahankan kaum wanita daripada teraniaya. Kebangkitan wanita-wanita Barat dalam memperjuangkan hak-hak mereka di persada antarabangsa telah menaikkan semangat wanita-wanita Islam untuk turut bersatu hati dalam melaungkan hak-hak mereka bertepatan dengan Al-Quran dan Hadis. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 1979 melalui *Convention on the Elimination of All forms of Discrimination against Women (CEDAW)* mengetengahkan undang-undang antarabangsa bagi memperkukuhkan hak-hak wanita. (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2004). Malaysia turut tidak ketinggalan dalam memperakuiinya pada tahun 1995 (Tan, 2003). Malaysia turut bangkit melalui *Women's Aid Organisation (WAO)* dalam melaungkan kebebasan dan hak wanita.

Dengan kebangkitan ini, maka kesedaran tentang hak-hak wanita telah diperluaskan dalam bidang pendidikan dengan kewujudan institusi pendidikan khusus mempelajari perihal hak-hak wanita seperti Women's Human Rights Education Institute di Universiti Toronto. Institusi ini menawarkan kursus selama 6 minggu untuk mempersiapkan peserta dengan bengkel dan latihan intensif sebagai moderator dan duta hak-hak wanita. Program *CEDAW For Change* selama satu minggu juga diadakan di institusi ini untuk mengukuhkan kefahaman tentang wanita dan hak-haknya. Terdapat juga negara lain yang mula mengambil inisiatif untuk menawarkan pengajian khusus berkaitan hak-hak wanita seperti *Center for Women's and Gender Studies* di

Universiti Texas, Austin, Center for Women Studies, University of Jordan dan Women's and Gender Studies Program, di Universiti Middle Tennessee State, USA.

Malaysia juga tidak ketinggalan dalam memberikan pendidikan khusus tentang hak-hak wanita apabila menawarkan pengajian di peringkat sarjana dan kedoktoran dalam Pengajian Gender di Pusat Penyelidikan Pembangunan Wanita (KANITA) di Universiti Sains Malaysia. Universiti Malaya juga turut menawarkan mata pelajaran berkaitan hak-hak wanita di Institut Pengajian Tinggi Awam melalui Rancangan Pengajian Gender yang mula diperkenalkan pada sesi 1994/1995 di Fakulti Sastera dan Sains Sosial (Raihanah, 2007). Pengajaran tentang Islam dan gender diajar dalam tempoh empat hingga lima minggu. Disebabkan kekurangan tenaga pakar, kursus tersebut tidak lagi ditawarkan. Walau bagaimanapun, ianya ditawarkan semula pada semester 1 sesi 2006/2007 oleh Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Universiti Malaya dan dinamakan sebagai Kursus Undang-Undang dan Gender.

Justeru, Institut Pendidikan Guru (IPG) di Malaysia juga turut tidak ketinggalan dalam mendedahkan tentang hak-hak wanita muslim kepada para guru pelatih melalui kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) yang ditawarkan. Meskipun tiada kursus khusus bagi pendidikan hak-hak wanita atau gender di IPG di seluruh Malaysia, namun pendedahan melalui kursus TITAS ini dapat memberi kefahaman kepada wanita tentang hak-hak mereka.

PENDIDIKAN HAK-HAK WANITA MUSLIM: SATU SOROTAN

Perhatian serius tentang hak-hak wanita yang ditunjukkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada era 70an menyebabkan banyak penulisan Barat dan Islam berfokuskan kepada persoalan wanita. Penulisan berkaitan hak-hak wanita Muslim dibahagikan kepada tiga bahagian yang berikut:

Kebangkitan Feminis Dalam Perjuangan Feminisme

Menurut Kausar (2002), kemuncak perjuangan feminis di dalam *Women Liberation* dapat dilihat dari Deklarasi Beijing pada tahun 1997. Deklarasi yang menuntut setiap kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan untuk melaksanakan resolusi *pro-women's lib* yang diluluskan. Kirmani dan Philips (2011) menjelaskan bahawa kebangkitan feminis dalam dunia Islam bermula seawal 1980an. Mir-Hoseini (2003) juga mendapati bahawa kebangkitan wanita muslim pada abad ke 20 berpaksikan ajaran Islam sebagai perisai dalam menuntut kesetaraan gender selaras dengan kemodenan yang tidak berlawanan dengan syariat Islam. Perbahasan berkaitan hak-hak wanita dalam Islam terus mendapat perhatian hingga kini dan dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu perundangan Islam dan juga bidang pendidikan.

Pengkaryaan Berkaitan Hak-Hak Wanita Muslim

Penulisan-penulisan berkaitan hak-hak wanita yang tergolong dalam bidang pendidikan telah mendapat tempat di hati para penulis yang berjiwa pendidik. Mereka mula menyetengahkan aspek pendidikan sebagai tunjang utama dalam memberi kesedaran terhadap para wanita Muslim. Terdapat beberapa artikel yang menyingkap karya-karya pendidik yang memainkan peranan dalam memperjuangkan hak-hak wanita Muslim. Menurut Barlow dan Akbarzadeh (2006), kewujudan CEDAW telah membangkitkan kesedaran wanita Sudan dalam memperjuangkan hak-hak mereka. Artikel yang berfokuskan kepada penulisan Fatima Mernissi seorang feminis Maghribi yang menulis karyanya melaungkan kebebasan wanita melalui penulisannya *Beyond The Veil* (1975), *The Veil* (1991) dan *Male Elite* (1991). Mernissi menegaskan dalam penulisannya bahawa Al-Quran dan perundangan Islam adalah petunjuk yang paling utama dalam mempertahankan hak-hak wanita Muslim. Reformasi yang perlu dilakukan oleh wanita Islam hendaklah berlandaskan hukum Islam dan tidak terpesong darinya (Al-Hibri, 2013). Emansipasi wanita dalam karya pengarang wanita Malaysia dan Indonesia turut dibongkar dan diketengahkan dalam memperjuangkan emansipasi wanita di kedua-dua buah negara itu. Mohd Anuar Ramli (2010) menegaskan konsep kesetaraan gender dalam Islam berhubungkait dengan keadilan iaitu meletakkan sesuatu pada tempatnya. Perbezaan ini tidak melebihikan darjat lelaki di samping nerendahkan kedudukan perempuan dalam Islam. Kesetaraan gender ini banyak diperjelaskan dalam Al-Quran dan hadis. Segala ketidakadilan terhadap wanita bukanlah bersumberkan ajaran Islam, namun ianya merupakan tradisi tempatan yang tidak islamik. Kesejahteraan dan kesempurnaan sesebuah masyarakat bertitik tolak daripada kedudukan dan hak kaum wanita yang telah dianugerahkan oleh Islam.

Pengalaman Pengajaran Pendidikan Hak-Hak Wanita Muslim

(i) Pendedahan Dalam Kalangan Pelajar

Pendidikan hak-hak wanita turut diperbahaskan dalam beberapa penulisan bertaraf antarabangsa. Henry (2006) berdasarkan pengalamannya menegaskan bahawa, pengajaran hak-hak wanita Muslim dalam hak asasi manusia yang berasaskan kajian kes dan pemikiran kritikal adalah satu pengajaran yang berkesan. Ianya membantu pelajar dalam memahami situasi sebenar berdasarkan kajian kes yang dikaji. Pedagogi yang berkesan dalam pendidikan hak asasi manusia adalah pedagogi yang memberi ruang kepada pelajar untuk berkongsi pandangan dan buah fikiran tentang isu-isu berkaitan. Dalam pengajarannya, beliau memberi ruang kepada pelajar untuk meluahkan pendapat dan cadangan terhadap tajuk hak asasi manusia. Pelajar yang pernah melihat dan mengalami sendiri keperitan dalam mempertahankan hak-hak mereka akan menulis berdasarkan apa yang dialami sebelum ini. Mereka akan berkongsi tentang rakan-rakan, sanak saudara atau sesiapa pun yang pernah teraniaya dan tidak dibela nasibnya terutama sekali golongan wanita. Seorang pelajar Pakistan menulis karangannya dan menekankan bahawa pendekatan dan undang-undang berasaskan Al-Quran adalah yang terbaik. Henry mendapati dalam banyak penulisan pelajarannya berkaitan kajian kes yang dijalankan telah menunjukkan bahawa kebanyakan para pelajar memulakan penulisan dengan menimbulkan isu pencabulan hak asasi manusia dan kelonggaran undang-undang negara-negara tertentu menyebabkan hak-hak asasi tidak dapat dipertahankan.

(ii) Peranan Pensyarah Sebagai Pelaksana Kurikulum

Muedini (2012) yang merupakan seorang tenaga pengajar di Jabatan Sains Politik berkongsi pengalamannya dalam mengendalikan kursus 'Pengajian Politik Timur Tengah' yang mengetengahkan tajuk wanita sebagai tajuk kecil dalam kursus tersebut. Tajuk berkaitan hak-hak wanita ini diajar selama satu hingga dua minggu sahaja dalam sepanjang semester tersebut. Beliau memulakan sesi dengan memberi kuliah berkaitan tajuk. Beliau seterusnya membawa pendekatan pengajaran berasaskan bahan bacaan sebagai sumber rujukan utama dalam kursus ini memandangkan masa yang terlalu singkat untuk mendalami tajuk berkaitan hak-hak wanita Muslim. Beliau juga mencadangkan kepada para pelajar agar meneruskan pembacaan tentang tokoh-tokoh pemikir yang berkecimpung dalam memperkatakan isu-isu Islam dan hak asasi manusia seperti Fatima Mernissi, Leila Ahmed's, Mahmood Monshipouri's dan Niaz Shah. Kaedah perbincangan serta bertukar pendapat sesama pelajar menambah pengetahuan dan maklumat tentang hak-hak wanita dalam pembelajaran hak asasi manusia. Meskipun pendedahan tentang hak-hak wanita Muslim hanya diajar dalam jangka masa yang sangat singkat, namun untuk menguji kefahaman pelajar tentang tajuk yang telah dipelajari, Muedini memberi soalan kefahaman kepada pelajar berdasarkan artikel yang diberikan.

Meskipun banyak penulisan bertaraf antarabangsa memperkatakan tentang pengajaran pendidikan hak-hak wanita di negara masing-masing, namun Malaysia juga tidak ketinggalan dalam mengetengahkan isu tersebut dalam sistem pengajian. Raihanah Abdullah (2007), telah turut berkongsi pengalaman Universiti Malaya di bawah Pejabat Dekan, Fakulti Sastera dan Sains Sosial dalam mengendalikan kursus berkaitan Islam dan gender walaupun hanya ditawarkan sebagai satu tajuk kecil di bawah Kursus Gender, Agama, Adat dan Perubahan Sosial. Kursus ini meneliti kedudukan wanita dari kaca mata agama-agama utama di dunia. Kursus ini kemudiannya tidak ditawarkan atas sebab kekurangan pensyarah dan ditawarkan semula oleh Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Universiti Malaya di bawah Kursus Undang-Undang Islam dan Gender pada semester 1 sesi 2006/2007. Pelajar didedahkan dengan realiti perjuangan wanita tanpa mengeneipkan perundangan Islam yang asal.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pendedahan pendidikan hak-hak wanita muslim di Institut Pendidikan Guru dalam kalangan guru pelatih, mengenal pasti peranan pensyarah sebagai pelaksana kurikulum berkaitan pendidikan hak-hak wanita muslim di Institut Pendidikan Guru dan meninjau pandangan pensyarah terhadap kepentingan pengajaran pendidikan hak-hak wanita muslim di Institut Pendidikan Guru.

KEPENTINGAN KAJIAN

Pemilihan IPG sebagai tempat kajian memandangkan IPG adalah tempat latihan perguruan dijalankan dan pelatih wanita terus mendominasi profesion perguruan di 27 IPG di Malaysia. Pada tahun 2010, seramai 22,805 pelatih wanita berada di IPG berbanding 11,907 pelatih lelaki ("Guru Lelaki dan Wanita Diseimbang," 2010). Kajian mensasarkan lebih ramai guru pelatih wanita berada di IPG berbanding lelaki. Kesedaran terhadap kepentingan pendidikan hak-hak wanita Muslim perlu dipupuk dalam diri warga pendidik di IPG supaya ianya didalami dan difahami sekaligus dapat melahirkan guru yang dapat membantu memberi kesedaran dan menyebarkan maklumat tentang hak-hak wanita apabila ditempatkan di kawasan bandar dan pedalaman. Peranan pensyarah di Institut Pendidikan Guru sebagai penyampai kurikulum perlu diketahui dengan lebih jelas agar kefahaman jitu yang telah diperolehi dapat dikongsi bersama masyarakat dalam memahami hak-hak wanita Muslim di Malaysia kerana guru adalah dekat dengan masyarakat. Pendekatan pedagogi dianggap sebagai satu pendekatan yang boleh membawa perubahan pemikiran kepada masyarakat di Sarawak yang masih kurang memahami hak-hak wanita. Kajian ini merupakan nilai tambah dalam memantapkan kurikulum serta program-program berkaitan hak-hak wanita Muslim di IPG sekaligus sesuai dengan misi IPG Kementerian Pelajaran Malaysia iaitu, Institut Pendidikan Guru melahirkan guru yang kompeten dan berjiwa pendidik melalui program pembangunan guru yang dinamik ke arah pendidikan sekolah bertaraf dunia.

Pemilihan kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) adalah kerana terdapat tajuk berkaitan pendidikan hak-hak wanita muslim melalui tajuk 'Islam Hadhari, Prinsip ketujuh: Pembelaan Hak Kumpulan Minoriti dan Wanita'. Menurut Jawiah (2008), nilai yang dibangunkan melalui prinsip ini merangkumi pemberian hak dan keadilan yang sewajarnya kepada kaum wanita.

METODOLOGI KAJIAN


Kajian ini merupakan kajian tinjauan di mana soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian dalam pengumpulan data. Seramai 10 orang pensyarah yang mengajar kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) bagi tahun 2012 telah menjadi responden dalam kajian ini. Pensyarah yang dipilih adalah merupakan pensyarah yang mengajar mata pelajaran berkaitan di IPG Kampus Batu Lintang, IPG Kampus Sarawak, IPG Kampus Rajang dan IPG Kampus Tun Abdul Razak. Responden merupakan keseluruhan populasi memandangkan terdapat hanya 10 orang sahaja pensyarah yang mengajar mata pelajaran TITAS di IPG di Sarawak. Menurut Krejcie dan Morgan (1970), sekiranya jumlah populasi adalah 10 maka bilangan responden yang diperlukan adalah 10. Analisis secara deskriptif menggunakan SPSS digunakan dalam membuat analisa bagi mendapatkan kekerapan, min dan sisihan piawai bagi data yang diperolehi.

DAPATAN KAJIAN


Demografi Responden

Rajah 1 menunjukkan taburan responden yang merupakan pensyarah-pensyarah yang berkhidmat dalam pengajaran TITAS di IPG di seluruh Negeri Sarawak. Separuh daripada responden (50%) terdiri daripada pensyarah di IPG Kampus Tun Abdul Razak (IPGKTAR), diikuti pensyarah IPG Kampus Batu Lintang (IPGKBL) (30%), pensyarah IPG Kampus Sarawak (IPGK Sarawak) (10%) dan pensyarah IPG Kampus Rajang (IPGK Rajang) (10%). Terdapat 60% pensyarah lelaki manakala 40% pula merupakan pensyarah perempuan yang terlibat dalam pengajaran TITAS bagi tahun 2012. Separuh daripada pensyarah memiliki ijazah sarjana (50%) manakala separuh lagi (50%) memiliki ijazah sarjana muda (Rajah 2). Kajian juga mendapati bahawa pensyarah berpengalaman dalam pengajaran kerana telah mengajar kursus ini paling kurang di antara 2 hingga ke 7 tahun (Rajah 3).


Rajah 1: Taburan Responden Berdasarkan IPG



Rajah 2: Taburan Responden Berdasarkan Jantina dan Taraf Pendidikan



Rajah 3: Taburan Responden Berdasarkan Pengalaman Mengajar



PENGAJARAN PENDIDIKAN HAK-HAK WANITA MUSLIM DI IPG DI SARAWAK

Kajian melaporkan pengajaran pendidikan hak-hak wanita muslim di IPG melalui dua dimensi: (a) Pendedahan pendidikan hak-hak wanita muslim dalam kalangan guru pelatih; dan (b) Peranan pensyarah sebagai pelaksana kurikulum. Pelaksanaan pengajaran bagi setiap dua dimensi diukur dengan respons terhadap pernyataan-pernyataan dengan menggunakan skala likert 5-mata daripada 1 (Cemerlang), 2 (Memuaskan), 3 (Kurang Memuaskan), 4 (Tidak Memuaskan) dan 5 (Lemah). Terdapat 6 pernyataan mewakili setiap dimensi.

Sebelum analisis yang terperinci dilaksanakan, ujian kebolehpercayaan telah dilakukan bagi kedua-dua dimensi untuk memastikan item yang digunakan dalam soal selidik adalah relevan dan sah untuk mengukur kedua-dua pembolehubah. Jadual 1 menunjukkan nilai kebolehpercayaan 'Cronbach Alpha' yang diperolehi melebihi 0.9 (lingkungan nilai boleh terima melebihi 0.70), menjadikan pernyataan dalam kedua-dua dimensi boleh digunakan untuk analisis seterusnya.

Jadual 1: Nilai Kebolehpercayaan 'Cronbach Alpa'

Pengajaran pendidikan hak-hak wanita Muslim di IPG berdasarkan	Bilangan pernyataan	Cronbach Alpa
a) Pendedahan pendidikan hak-hak wanita dalam kalangan guru pelatih	6	0.936
b) Peranan pensyarah sebagai pelaksana kurikulum	6	0.948

Bahagian seterusnya menunjukkan analisa keseluruhan bagi setiap pernyataan dalam setiap dimensi untuk melihat kepelbagaian respons dari pensyarah-pensyarah terhadap pernyataan-pernyataan yang dikemukakan dalam soal selidik.

Pendedahan Pendidikan Hak-Hak Wanita Muslim Dalam Kalangan Guru Pelatih

Dapatan kajian dalam jadual 2 menunjukkan bahawa pendedahan pendidikan hak-hak wanita muslim dalam kalangan guru pelatih berada di tahap kurang memuaskan dengan pencapaian min keseluruhan sebanyak 3.11 dan sisihan piawai 1.048. Analisis skor min mendapati bahawa keenam-enam item berada pada tahap memuaskan (2.6) sehingga kurang memuaskan (3.5). Apabila ditinjau dengan lebih teliti pada analisis skor min dalam jadual tersebut, terdapat hanya satu item yang berada pada tahap memuaskan manakala lima item yang lain berada hanya pada tahap kurang memuaskan. Daripada enam item, pencapaian nilai min tertinggi adalah pada item 'reaksi/ respon guru pelatih terhadap pendidikan hak-hak wanita muslim' (2.6)

manakala min terendah adalah pada dua item 'pendedahan isu berkaitan wanita dalam pro forma (3.5) dan 'pendedahan isu berkaitan wanita muslim dalam program di IPG' (3.5). Item 'Kesedaran guru pelatih terhadap hak-hak wanita muslim' dan 'Minat guru pelatih terhadap isu berkaitan hak-hak wanita muslim' kedua-duanya mencapai nilai min 3.0. Ini menunjukkan bahawa pandangan responden terhadap pernyataan ini adalah hampir sama. Bagi item 'pengetahuan sedia ada guru pelatih terhadap hak-hak wanita muslim' skor min yang dicapai adalah sebanyak 3.1.

Jadual 2: Min dan Sisihan Piawai Pendedahan Pendidikan Hak-Hak Wanita Muslim dalam kalangan Guru Pelatih di IPG

Pernyataan	Min	Sisihan Piawai
1. Reaksi/respon guru pelatih terhadap pendidikan hak-hak wanita muslim	2.60	1.429
2. Kesedaran guru pelatih tentang hak-hak wanita muslim	3.00	1.154
3. Minat guru pelatih terhadap isu berkaitan hak-hak wanita muslim	3.00	1.154
4. Pengetahuan sedia ada guru pelatih tentang hak-hak wanita muslim	3.10	1.100
5. Pendedahan isu berkaitan wanita muslim dalam pro forma	3.50	1.178
6. Pendedahan isu berkaitan wanita muslim dalam program IPG	3.50	1.178
Keseluruhan	3.11	1.048

Peranan Pensyarah Sebagai Pelaksana Kurikulum

Jadual 3 menunjukkan skor min bagi peranan pensyarah sebagai pelaksana kurikulum pendidikan hak-hak wanita muslim. Skor keseluruhan berada di tahap memuaskan dengan pencapaian min keseluruhan sebanyak 2.46 dan sisihan piawai 1.085. Skor min bagi setiap item berada di antara 2.2 sehingga 2.9. Analisis skor min dalam jadual tersebut menunjukkan bahawa kesemua item berada pada tahap memuaskan. Daripada enam item yang dikemukakan, pencapaian nilai min tertinggi adalah pada tiga item iaitu item 'Kesedaran pensyarah tentang hak-hak wanita muslim', 'Pengetahuan sedia ada pensyarah tentang hak-hak wanita muslim' dan 'Minat pensyarah terhadap isu berkaitan hak-hak wanita muslim' yang masing-masingnya mencatat min (2.2). Bagi min terendah pula adalah item 'Bahan bantu mengajar yang digunakan dalam sesi pengajaran' (2.9). Manakala bagi 2 item yang lain masing-masing mencatatkan min, 'Teknik pengajaran pensyarah tentang hak-hak wanita' (2.6) dan 'Pemupukan kesedaran tentang hak-hak wanita muslim dlm pengajaran' (2.7).

Jadual 3: Min dan Sisihan Peranan Pensyarah Sebagai Pelaksana Kurikulum

Pernyataan	Min	Sisihan Piawai
1. Kesedaran pensyarah tentang hak-hak wanita muslim	2.20	1.135
2. Pengetahuan sedia ada pensyarah tentang hak-hak wanita muslim	2.20	1.135
3. Minat pensyarah terhadap isu berkaitan hak-hak wanita muslim	2.20	1.032
4. Teknik pengajaran pensyarah tentang hak-hak wanita muslim	2.60	1.349
5. Pemupukan kesedaran tentang hak-hak wanita muslim dlm pengajaran	2.70	1.418
6. Bahan bantu mengajar yang digunakan dalam sesi pengajaran	2.90	1.197
Keseluruhan	2.46	1.085

Kepentingan Pendidikan Hak-Hak Wanita Muslim

Selain data kuantitatif, pensyarah juga diberi peluang untuk mengemukakan pandangan tentang kepentingan pengajaran pendidikan hak-hak wanita muslim terhadap guru pelatih di IPG. Respons melalui soal selidik terbuka dianalisis secara kuantitatif. Jadual 4 menunjukkan kesemua pensyarah berpendapat bahawa pendidikan hak-hak wanita muslim sewajarnya diajar di IPG berdasarkan nilai kekerapan 'amat penting' (50%) dan 'penting' (50%). Terdapat 7 kategori pandangan pensyarah terhadap kepentingan pengajaran pendidikan hak-hak wanita muslim di IPG. Terdapat 3 orang pensyarah berpendapat bahawa pendidikan hak-hak wanita di IPG adalah penting untuk membantu guru pelatih dalam memahami hak yang diberikan kepada wanita supaya tidak dianiaya apabila menghadapi masalah rumahtangga. Terdapat 2 orang pensyarah yang mengemukakan pendapat agar pendidikan hak-hak wanita muslim diberi perhatian yang lebih jelas oleh pihak IPG. Hanya terdapat satu pandangan yang diperolehi bagi kategori-kategori yang berikut: perlu diberi pendedahan kerana wanita akan berhadapan dengan situasi sebenar, memberi gambaran jelas tentang pandangan Islam berkaitan hal-hal wanita, ramai wanita yang bekerja dan berjawatan tinggi, memahami hak yang diberikan oleh undang-undang kepada wanita dan memberi kesedaran kepada kaum wanita terhadap hak-hak mereka.

Jadual 4: Pandangan Terhadap Kepentingan Pendidikan Hak-Hak Wanita Muslim di IPG

Bil	Pandangan	Kekerapan	Peratus
1	Amat penting	5	50
2	Penting	5	50
Jumlah		10	100

Jadual 5: Kategori dan Kekerapan Pandangan Terhadap Kepentingan Pendidikan Hak- Hak Wanita Muslim di IPG

Bil	Kategori Pandangan	Kekerapan	Peratus
1	Memahami hak yang diberikan kepada wanita supaya tidak dianiaya apabila menghadapi masalah rumahtangga	3	30
2	Perlu diberi perhatian yang lebih jelas	2	20
3	Perlu diberi pendedahan kerana wanita akan berhadapan dengan situasi sebenar	1	10
4	Memberi gambaran jelas tentang pandangan Islam berkaitan hal-hal wanita	1	10
5	Ramai wanita yang bekerja dan berjawatan tinggi	1	10
6	Memahami hak yang diberikan oleh undang-undang kepada wanita	1	10
7	Memberi kesedaran kepada kaum wanita terhadap hak-hak mereka	1	10
Jumlah		10	100

PERBINCANGAN

Pendidikan merupakan satu wadah dalam mengetengahkan hak-hak wanita kepada masyarakat (Gharavi, 2010). Wanita muslim perlu mendapat pendidikan tentang hak-hak mereka agar kehidupan yang diharungi berpandukan Al-Quran, hadis serta undang-undang Islam yang sepatutnya. Gharavi (2012) menggariskan tiga komponen yang perlu diajar dalam 'pengajian hak-hak wanita muslim' merangkumi; status wanita dalam Al-Quran, peranan wanita dan hak-hak wanita. Pengajaran haruslah berpandukan Al-Quran dan

hadis untuk memastikan kesedaran dalam kalangan wanita tercapai. Pendidik selaku *murabbi*, *muallim*, *muaddib* dan *mudarris* perlu menggalas tanggungjawab ini kerana mereka bukan sahaja berperanan untuk memberi kesedaran kepada diri sendiri namun juga kepada masyarakat sekeliling dalam pengajaran (Ahmad Mohd Salleh, 2011). Kajian ini merupakan nilai tambah dalam menambahbaik kurikulum berkaitan pendidikan hak-hak wanita muslim di IPG untuk menyahut seruan agar warga pendidik wanita di IPG tidak terkecuali dari mendapat pendidikan berkaitan hak-hak mereka.

Daripada 10 orang responden, terdapat 50% responden yang merupakan pensyarah yang mengajar TITAS bagi Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di IPG Kampus Tun Abdul Razak bagi tahun 2012. Jumlah pensyarah yang mengajar TITAS di IPG ini agak tinggi berbanding dengan IPG lain di Sarawak kerana pendaftaran bagi guru pelatih PISMP Ambilan Januari 2012 di IPG itu adalah ramai. Pensyarah yang mengajar memiliki sekurang-kurangnya ijazah sarjana muda (50%), bahkan ada yang memiliki ijazah sarjana (50%). Pensyarah yang mengajar merupakan pensyarah yang telah berpengalaman mengajar kursus ini sekurang-kurangnya 2 hingga 7 tahun. Pengalaman yang dimiliki menjadikan pensyarah yang mengajar mempunyai minat, pengetahuan dan kesedaran tentang hak-hak wanita muslim yang masing-masing mencatat skor min (2.2). Walaupun nilai pencapaian min hanya berada di tahap memuaskan, namun ianya sekaligus membantu menarik minat serta respon guru pelatih terhadap pengajaran pendidikan hak-hak wanita muslim dengan min (2.6).

Pengajaran pendidikan hak-hak wanita melalui kursus TITAS dalam tajuk Islam Hadhari hanya diperuntukkan masa sebanyak seminggu sahaja (2 jam) sepanjang semester. Perkara ini menjadikan pendedahan isu berkaitan dengan hak-hak wanita muslim di dalam pro forma dan program di IPG masing-masingnya mencatat nilai min terendah (3.5) bagi dimensi yang pertama. Peruntukan masa yang amat singkat juga menyebabkan bahan bantu mengajar yang digunakan oleh pensyarah hanya berada pada tahap kurang min terendah (2.9) bagi skor min pada dimensi yang kedua.

Walaupun min keseluruhan bagi dimensi 'Pendedahan pendidikan hak-hak wanita dalam kalangan guru pelatih' berada tahap kurang memuaskan dan dimensi 'Peranan pensyarah sebagai pelaksana kurikulum' berada di tahap memuaskan, namun pensyarah yang merupakan responden dalam kajian ini sebulat suara mengatakan bahawa pendidikan hak-hak wanita muslim ini adalah penting untuk diajar kepada semua guru pelatih. Dalam respons terbuka pensyarah berkaitan memberi pandangan terhadap kepentingan kurikulum ini. Fokus sebenar adalah dalam memberi kefahaman dan kesedaran kepada wanita muslim tentang hak-hak mereka. Pendedahan dari sudut perundangan Islam juga amatlah diperlukan.

Walaupun tajuk 'Islam Hadhari' sudah dimansuhkan dari kursus TITAS bagi Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) bermula tahun 2013, pihak IPG KPM masih berterusan memberi pendedahan tentang hak-hak wanita muslim melalui kursus tambahan yang lain. Bermula Jun 2013, dalam kursus 'Pengantar Ilmu Fiqh' dan 'Pendidikan Islam', terdapat tajuk 'Munakahat' yang diperuntukkan masa selama 7 hingga 10 jam bagi 'Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan' ambilan Jun 2013 dengan memperincikan lagi hak-hak wanita muslim di dalam pengajarannya. Ini membuktikan bahawa walaupun IPG melatih para guru namun institusi ini tidak mengeneppikan pendedahan hak-hak wanita muslim melalui pensyarah yang mengajar dengan kerjasama para guru pelatih.

RUJUKAN

- Ahmad Mohd Salleh. (2011). *Kurikulum, Metodologi dan Pedagogi Pengajian Islam EDISI KEDUA KPLI Pengajian Islam & j-QAF*. Selangor : Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Al-Hibri, Azizah. (2013). Remembering Hypatia's Birth: It Took a Village. *Hypatia*, 28, (2), 309-403. Dicapai pada 23 Julai, 2013 daripada [Web of Science](#) database.
- Barlow, R., & Akbarzadeh, S. (2006). Women's Rights in the Muslim World: reform or reconstruction?. *Third World Quarterly*, 27(8), 1481-1494. Dicapai pada 26 September, 2012 daripada [EBSCOhost](#) database.
- Gharavi, N. (2010). Islamic Women Studies Is Important And Necessary. *Procedia Social And Behavioral Science*, 9(2010), 1238-1243. Dicapai pada 3 Mac, 2013 daripada [Web of Science](#) database.
- Gharavi, N. (2012). What Is Women's Studies in Islam? *Procedia Social And Behavioral Science*, 46(2012), 1790-1794. Dicapai pada 3 Mac, 2013 daripada [Web of Science](#) database.

- Henry, M. (2006). Human Rights in the College Classroom: Critical Thinking about Their Complex Roots. *Peace & Change*, 31(1), 102-116. Dicapai pada 1 Jun, 2012 daripada [EBSCOhost](#) database.
- Institut Pendidikan Guru. (2007). *Buku Panduan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan*. Kuala Lumpur: IPGM.
- Jawiah Dakir. (2008). *Siri Penerbitan Islam Hadhari Prinsip Ketujuh: Pembelaan Hak Kumpulan Minoriti dan Wanita*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Kirmani, N. & Philips, I. (2011). Engaging with Islam to promote women's rights: exploring opportunities and challenging assumptions. *Progress in Development Studies*, 11(2), 87-99. Dicapai pada 26 September, 2012 daripada [EBSCOhost](#) database.
- Krejcie, R.V., & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 608.
- Ministry of Women, Family and Community Development. (2004). *Malaysia Report To The United Nations Committee On The Elimination Of Discrimination Against Women (First and Second Report)*. Kuala Lumpur: Ministry of Women, Family and Community Development.
- Mir-Hosseini. (2003). The Construction of Gender in Islamic Legal Thought: Strategies Reform. Dalam Hjh Nik Noraini Nik Badlishah (Ed), *Islamic Family Law And Justice For Muslim Women*. Kuala Lumpur: Sister in Islam.
- Muedini, FA. (2012). Teaching "Islam and Human Rights" in the Classroom. *Political Science & Politics*, 45(1), 101-105. Dicapai pada 1 Jun, 2012 daripada [ProQuest](#) database.
- Mohd Anuar Ramli. (2010). *Analisis Gender Dalam Karya Fiqh Klasik Ulama Melayu*. Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya.
- Raihanah Abdullah. (2007). Pengajian Gender dan Islam di Institut Pengajian Tinggi Awam di Malaysia: Pengalaman Universiti Malaya. Dalam Mohd. Fauzi Hamat, Joni Tamkin Borhan & Ab. Aziz Mohd Zin (Eds), *Pengajian Islam di Institut Pengajian Tinggi Awam Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Tan, HLE. (2003). Measuring Up To CEDAW: How Far Short Are Malaysian Laws And Policies?. *The Journal of the Malaysian Bar*, 32(3), 16-28. Dicapai pada 26 September, 2012 daripada www.malaysianbar.org.my/index.php?
- Zeenath Kausar. (2002). *Woman's Empowerment and Islam: The UN Beijing Document Platform for Action*. Kuala Lumpur: Ilmiah Publishers.
- Arab Academic Human Rights Network. *Human Rights Activities*. Dicapai pada 5 Disember, 2012 daripada <http://www.aahrn.net/>
- Center for Women's & Gender Studies. *Course & Academics*. Dicapai pada 12 November, 2012 daripada <http://www.utexas.edu/cola/centers/cwgs/womens-rights/Womens-Rights-Initiative.php>
- Center for Women Studies. *Courses*. Dicapai pada 12 November, 2012 daripada <http://centers.ju.edu.jp/centers/wsc/home.aspx>
- Portal Rasmi Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang. *Visi dan Misi*. Dicapai pada 13 November, 2012 daripada http://www.ipbl.edu.my/portal/visi_misi.cfm
- Women's Aid Organisation. *Advocacy*. Dicapai pada 2 Disember, 2012 daripada http://www.wao.org.my/Home_2_2_1.htm

Women's & Gender Studies. *Program/ Departmental Courses*. Dicapai pada 16 Disember, 2012 daripada <http://www.mtsu.edu/womenstu/index.php>

Women's Human Rights Education Institutes. *Programs*. Dicapai pada 12 November, 2012 daripada <http://learnwhr.org/about/>

Women's Development Research Centre (KANITA). *Postgraduate Program*. Dicapai pada 12 Mac, 2013 daripada <http://kanita.usm.my/>

Berita Harian. (2010, Oktober 7). Guru lelaki wanita diseimbang.

PENGHARGAAN

Kami ingin mengucapkan penghargaan kepada Peruntukan Penyelidikan Pascasiswazah (PPP)-Projek No:PG076-2013B, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia kerana telah membiayai sebahagian daripada penyelidikan ini.